

# Usahawan Melayu digesa bentuk banyak rantaian

**K**UANTAN: Usahawan Bumiputera perlu membentuk lebih banyak rantaian perniagaan dengan usahawan bukan Bumiputera bagi membolehkan mereka menumpang kejayaan usahawan berkenaan, bukannya hanya tahu mengalibabakan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamsiyah Yeop, berkata walaupun ketika ini sudah ada rantaian perniagaan antara usahawan Melayu dan bukan Melayu, ia masih belum mencapai tahap membanggakan.

"Pertalian perniagaan antara usahawan Melayu dan bukan Melayu memang sudah ada, tetapi masih ada ruang untuk diperluaskan dan usaha itu perlu dilakukan secara lebih serius."

"Contoh rantaian perniagaan yang sudah wujud antara Melayu dan bukan Melayu ini seperti dilakukan Hup Seng (Perusahaan Makanan Sdn Bhd), yang mempunyai ejen di kalangan usahawan Bumiputera.

"Begitu juga program perniagaan lain seperti penjagaan rambut oleh

syarikat terkemuka Wella (M) Sdn Bhd yang turut menyaksikan kelahiran ramai usahawan Bumiputera menjadi 'pengusaha' dalam bidang itu," katanya kepada wartawan selepas majlis pembukaan Simposium Membentuk Kecemerlangan Perniagaan anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Hotel Hyatt Regency Resort, di sini, semalam.

Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

**“** *Pertalian perniagaan antara usahawan Melayu dan bukan Melayu perlu diperluaskan dengan lebih serius”*

**Khamsiyah Yeop**  
Timbalan Menteri Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi

BH - 29/4/2007

Khamsiyah berkata, beberapa contoh rantaian perniagaan yang wujud itu menyangkal tanggapan usahawan bukan Bumiputera enggan membantu ahli perniagaan Melayu memperkembangkan perniagaan mereka.

Malah, beliau berkata, banyak syarikat bukan Bumiputera kini terabit dalam program kementerian melahirkan usahawan baru Bumiputera dan program itu akan diperluaskan pada masa depan.

"Kita menghargai sumbangan usahawan bukan Bumiputera dalam membantu melahirkan usahawan Bumiputera yang diharap dapat diperkukuhkan lagi pada masa akan datang," katanya.

Beliau percaya menerusi sokongan pelbagai pihak, matlamat melahirkan 150,000 usahawan baru Bumiputera sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dicapai.

Sementara itu, Hamad Kama Piah berkata, masyarakat Bumiputera perlu mempelajari budaya masyarakat bukan Bumiputera yang bijak membuat pelaburan.

"Sebenarnya, banyak perubahan



**RASMI MAJLIS:** Khamsiyah memotong kek ketika merasmikan Simposium Kecemerlangan Perniagaan sambil diperhatikan Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn Bhd, Datuk Mohd Nadmi Mohd Salleh (kiri) dan Hamad Kama Piah, di Kuantan, semalam.

sudah kita peroleh dan ini dapat disaksikan menerusi kejayaan skim pelaburan dalam PNB yang diwujudkan bagi meningkatkan pegangah ekuiti Bumiputera," katanya.

Namun, katanya, masih banyak ruang boleh diperbaiki dalam mendidik masyarakat Bumiputera mengenai kepentingan pelaburan dan mem-

buat simpanan, seperti menyertai skim insurans yang sudah lama diamlkan oleh Bumiputera.

Hamad Kama Piah juga berkata, PNB kini berusaha menarik lebih ramai bukan Bumiputera melabur dalam skim amanahnya seperti Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Saham Nasional 3 (ASN3).